

## PENERAPAN METOD KETELADANAN DALAM PENDIDIKAN

Ilham Alsi  
Maimun Aqsha Lubis  
Mohd Isa Hamzah  
[ilhamalsi@gmail.com](mailto:ilhamalsi@gmail.com)

Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

Pendidikan melalui keteladanan merupakan jalan terbaik dalam membentuk sahsiah pelajar. Tujuan daripada penyelidikan ini untuk meneroka penerapan keteladanan dalam pendidikan di sebuah sekolah menengah. Kajian ini telah dijalankan di sekolah Ponorogo Jawa Timur-Indonesia. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara deskriptif dan melakukan temu bual dengan tiga orang guru di sekolah sebagai informan kajian. Kajian yang didapati di sekolah ini, guru-guru memberikan keteladanan di dalam sekolah, namun yang mempengaruhi kerosakan akhlak pelajar adalah daripada ibu bapa dan rakan sebaya yang tidak memberikan keteladanan yang baik. Hasil daripada kajian ini memberikan implikasi, supaya guru-guru sentiasa mengontrol akhlak anak dan memberikan arahan kepada ibu bapa setiap enam bulan sekali untuk menjelaskan manfaat akhlak mulia bagi anak, dan sebagai ibu bapa selalu memberikan teladan yang baik.

**Kata kunci:** *Keteladanan, Guru, Pendidikan.*

### 1.0 PENGENALAN

Dewasa ini, perkembangan zaman semakin maju dan canggih, salah satunya dunia pendidikan. Pendidikan menjadi tempat yang sangat penting untuk membentuk pribadi yang baik, membentuk kognitif, psikomotor, afektif. Namun untuk mewujudkan pencapaian tersebut tentu gurulah sebagai media untuk mencapainya.

Guru sangat penting dalam dunia pendidikan guna membentuk sahsiah seorang pelajar agar berguna bagi bangsa dan negara dan mampu memimpin bangsanya untuk masa yang akan datang. E. Mulasyasa (2012) membincangkan bahawa berbagai-bagai fungsi guru, seperti guru sebagai pendidik, guru sebagai pemimpin, sebagai pengelola, administrator dan sebagai anggota masyarakat. Fungsi yang amat penting ini hendaknya seorang guru selalu mengembangkan potensi yang dimilikinya dan menyalurkan kepada peserta didiknya agar mereka memiliki sahsiah yang baik melalui pendidikan akhlak yaitu metode keteladanan.

Dalam dunia pendidikan, kebaikan akhlak sangat penting untuk diterapkan untuk saat ini, untuk memperbaiki teruknya pendidikan, kerana pendidikan akhlak menurut Athiyah al-Abrasyi (1998) dan Rif'at Farid Salim (2002) adalah ruhnya pendidikan Islam, kerana pendidikan akhlak mengajak pelajar memiliki sifat-sifat terpuci, jujur, ikhlas, bersih, berani, memiliki keinginan yang besarm cerdas dan lain sebagainya.

Untuk mewujudkan pendidikan akhlak yang baik, maka metod keteladanan sangat cocok untuk diterapkan dalam dunia pendidikan kerana metod keteladanan menurut an-Nahlawi (1996) pendidikan Islam selalu menyeru orang kepada jalan Allah, maka sebagai pendidik harus dituntut menjadi teladan dihadapan anak didik mereka agar para pelajar

mencontohi teladan daripada guru mereka. Maka keteladanan yang baik merupakan suatu keadaan dimana seseorang mengikuti orang lain, dalam hal kebaikan, tatkala mengikuti kejelekan menjadi teladan yang tidak baik. maka daripada itu dunia pendidikan seperti guru hendaknya memberikan contoh yang baik, agar pelajar mudah mengikuti hal-hal baik daripada guru.

Wujudnya keteladanan agar tujuan daripada pendidikan mudah dicapai, seperti mewujudkan manusia yang berakhlak mulia. Dengan keteladanan yang baik maka murid akan mengikuti apa-apa yang dilakukan oleh guru sehingga mental, pikiran dan emosi murid semakin berkembang dan memiliki akhlak yang mulia. Maka keteladanan ini sangat baik dalam membentuk akhlak pelajar, terlebih lagi pelajar yang masih kecil, yang selalu meniru dan mencontoh orang-orang besar disekeliling dia (Sulaiman 2016).

Maka idealnya pendidikan sekarang seharusnya memberikan perkembangan kepada pelajar seperti akhlak yang baik, menjaga disiplin, jujur, berani, bertanggung jawab dan lain sebagainya, kerana guru sudah memberikan contoh yang baik kepada pelajar, untuk mencapai matlamat pendidikan. Namun kenyataannya berbeza, pendidikan saat ini kurang dapat mengembangkan sahsiah pelajar menjadi lebih baik, akan tetapi membuat pelajar semakin berani melakukan jinayah-jinayah seperti, memakai dadah, hubungan bebas (seks), melawan orang tua, ponteng kelas, vandalisme dan lain sebagainya (Marzita Abdullah 2003).

Guru sepatutnya memberikan contoh yang baik, mengajarkan keilmuan kepada murid, namun berbeza daripada kenyataan. Seperti di sekolah Jakarta International School (JIS) 2014, seorang guru melakukan hubungan seksual terhadap murid, sehingga merosak impian murid untuk melanjutkan sekolah, kerana hal tersebut merosak psikis anak tersebut. (Tempo.CO. 2014)

Penyalah guna dadah menurut data Badan Narkotika Nasional (BNN) dan Puslitkes Universitas Indonesia menyatakan bahawa pengguna dadah mencapai 5 juta orang atau 2.8% dari seluruh penduduk Indonesia pada 2015. Adapun seks bebas menurut data Komisi Perlindungan Anak Indonesia pada tahun 2013 menyatakan bahawa 62.7% remaja Indonesia sudah melakukan seks bebas diluar nikah, dan 20% dari 94,270 perempuan mengalami hamil di luar nikah masih usia remaja, sedangkan kasus Hiv kerana sek bebas dalam waktu 3 bulan sebanyak 10,203 kes, 30% penderitanya masih remaja (rasiopeople.com).

Data tersebut dapat menunjukkan betapa masalah akhlak pada pelajar bermasalah, dan tentu pendidikan yang diberikan pada saat ini ada yang bermasalah, sehingga perlu untuk dilihat kembali, apa yang kurang dan belum diperbaiki. Jenayah-jenayah selalu meningkat, sehingga pelajar melakukan bunuh diri, melakukan keganasan sosial, tentu ini menjadi contoh yang buruk dan menjadi tanggung jawab kita bersama untuk memajukan pendidikan dan menamkan akhlak yang baik.

Menurut kajian Nurin (2012) untuk menyelesaikan masalah pelajar antara lainya dengan memberikan pendidikan akhlak melalui ibadah-ibadah wajib dan sunah lainya seperti, solat lima waktu, puasa, sedekah, berkata jujur, berhubungan baik dengan Allah swt, sehingga dapat membentuk sahsiah yang mulia. Tentu ini semua peran guru sangat penting untuk memberikan keteladan kepada pelajar bagaimana sholat, melakukan sifat-sifat terpuji dan lainya.

Seperti firman Allah:

*“Sesungguhnya Solat dapat mencegah seseorang dari melakukan perbuatan keji dan mungkar”*

(Surah al-Ankabut 29: 45)

Daripada ayat diatas bermakna bahawa, menanamkan pendidikan akhlak yang baik juga harus melalui dengan solat, penghayatan terhadap solat, supaya dengan solat dapat

mencegah daripada perbuatan keji dan tercela, sehingga anak-anak sentiasa melakukan kebajikan dan kebaikan setiap hari.

Maka daripada itu bagi pengkaji penting untuk melihat keteladanan yang diberikan guru pada saat di sekolah, bak dikatakan orang “guru kencing berdiri, murid kencing lari”. Pribahasa tersebutlah yang mungkin menyebabkan pelajar melakukan perbuatan tercela, kerana gurunya yang bermasalah. Maka penting bagi pengkaji untuk melihat penerapan keteladanan dalam pendidikan. Kerana apa yang dicontohkan oleh guru akan dicontoh oleh pelajar.

Metod keteladanan atau role model dalam dunia pendidikan sangatlah perlu dan mesti dijalankan setiap guru, sebagai contoh, kerana pelajar langsung melihat apa yang dikerjakan oleh guru dan terus ditiru oleh pelajar. Maka daripada itu pengkaji ingin melihat penerapan metod keteladanan yang diterapkan oleh Sekolah Menengah Pertama Islam Terpadu (SMP IT) Qurrota A'yun Ponorogo dan melihat faktor pendukung dan penghambatnya.

Belum ada yang meneliti apa yang dilakukan oleh SMP IT Qurrota A'yun Ponorogo, terutama dalam hal mendidik. Sekolah tersebut merupakan sekolah Islam terpadu dan banyak diminati oleh masyarakat Ponorogo, kerana memberikan kualitas yang baik, kerana sistemnya, maka daripada itu pengkaji ingin melihat penerapan metod keteladanan dalam pendidikan untuk meningkatkan akhlak yang dilakukan SMP IT Qurrota A'yun Ponorogo.

Hasil daripada kajian terutama untuk sekolah agar melihat dan meningkatkan yang kurang baik, dan mempertahankan apa-apa yang sudah baik. selain daripada itu juga, hasil kajian ini untuk memperbaiki sistem pendidikan kita, tentunya dengan memaui metod keteladanan yang selama ini dilupakan oleh guru-guru sekalian.

Dengan demikian metod keteladanan dalam pendidikan dapat memberikan manfaat yang besar dan meningkatkan pendidikan, agar peserta didik memiliki sahsiah yang baik, agar tujuan yang telah disiapkan oleh negara dapat tercapai dengan efektif dan efisien. Kerana tanpa adanya pendidikan akhlak yang baik maka dunia pendidikan akan sukar untuk membentuk sosok pribadi yang berakhlak mulia, berpengetahuan luas.

## **2.0 SOROTAN LITERATUR**

Salah satu cabaran terbesar menurut (Mohammad Khairi et al. 2017) dalam mewujudkan sebuah negara maju sangatlah sukar, kerana untuk mewujudkan negara maju diperlukan masyarakat penyayang yang memiliki moral dan etika. Pelajar yang seharusnya mampu mengubah imej negaranya menjadi lebih baik seperti kata pepatah Melayu “melentur buluh biarlah daripada rebungnya” maksud daripada pepatah tersebut, betapa pentingnya pelajar atau anak muda untuk menjayakan bangsanya.

Namun faktanya, pelajar kita saat ini seolah olah hilang akhlak, atau tidak adanya pendidikan akhlak, dengan dibuktikan oleh data dari Komisi Perlindungan Anak Indonesia menyatakan bahwa anak yang mengalami keganasan seksual selalu meningkat dari tahun 2011-2015, tahun 2011 anak mengalami keganasan seksual 123 orang, tahun selanjutnya 324 orang, tahun 2013, 247 orang, dan tahun 2015 ada 561 orang. Data anak yang melakukan bunuh diri tahun 2011-2015, anak yang bunuh diri 32-46-53-66-13 orang (Andya et al. 2016).

Pernyataan diatas inilah, menunjukkan teruknya akhlak pelajar saat ini. maka tentu diperlukan seseorang yang sentiasa memberikan keteladanan. Kerana dalam dunia pendidikan diperlukan keteladanan sehingga menjadikan seseorang yang perlu dilihat, dicontohi oleh pelajar. Kerana teruknya pendidikan saat ini, diperlukan pendidikan akhlak, melalui metod keteladanan.

Namun ini semua, jenayah-jenayah ini harus ditangani oleh guru, kerana faktor utama dalam membuat pelajar melakukan akhlak tercela kerana rasa ingin tahu dan ingin mencuba para pelajar (Hasyim Bedul et al, 2008). Makanya banyak pelajar menyebabkan akhlak yang rosak, maka penerapan pendidikan akhlak melalui metod keteladanan harus sentiasa

mengambil berat oleh guru dalam pendidikan, agar kerosakan moral atau akhlak tercela dapat dikurangi, dan menjadi lebih baik dalam mendidik pelajar.

Dalam Bahasa Indonesia (1989), kata “keteladanan” berasal dari kata “teladan”, yang artinya patut ditiru atau dicontoh. Kata ini kemudian mendapat afiks “ke-” dan “-an” menjadi “keteladanan” yang berarti hal-hal yang ditiru atau dicontoh. 2 Berdasar arti ini dapat dipahami bahwa kata keteladanan hanya tertuju pada perbuatan yang patut untuk ditiru atau dicontoh saja, dalam arti tidak termasuk pada perbuatan yang tidak patut ditiru.

Hal ini berbeda ketika arti keteladanan dinyatakan dalam Bahasa Arab. Dalam bahasa Arab, istilah keteladanan diungkapkan dengan *uswah*. Kata “*uswah*” ini berakar dari huruf hamzah, sin, dan waw, yang secara etimologi berarti penyembuhan dan perbaikan. 3 Kata ini kemudian diartikan dengan sesuatu yang diikuti oleh orang yang sedih. Sedangkan secara terminologi (Abu al-Husayn Ahmad ibn Faris 1994) Al-Raghib Al-Ashfahaani (1992) mengatakan bahwa *uswah* suatu keadaan ketika seseorang mengikuti orang lain, dalam kebaikan, kejelekan atau kerusakan. Dengan berdasar pada pengertian ini, maka dapat dipahami bahwa kata *uswah* itu ada yang tertuju pada kebaikan dan ada yang tertuju pada kejelekan.

Akan tetapi, kata yang dimaksudkan di sini adalah sesuatu yang diikuti yang membawa kebaikan. Pengungkapan kata *uswah* dalam Al-Qur’an dinyatakan sebanyak tiga kali, yaitu dalam Q.S. Al-Ahzab/33:21, Q.S. Al-Mumtahanah/60:4 dan Q.S. al-Mumtahanah/60:6. Kata *uswah* yang terdapat dalam Surat Al-Ahzab menerangkan keteladanan Rasulullah s.a.w., dan dalam Surat Al-Mumtahanah ayat 4 dan 6 menerangkan keteladanan Nabi Ibrahim a.s. Dalam Q.S. Al-Ahzab/33:21.

Keteladanan merupakan mengikuti seseorang dalam melakukan kebaikan dan keburukan. Keteladanan ada dua macam, pertama keteladanan dalam kebaikan, kedua keteladanan dalam keburukan Khalid Hamid (2000). Metod keteladanan merupakan metod yang terbaik daripada metod yang lainnya kerana guru sebagai contoh bagi pelajar secara nyata, kerana keteladanan memiliki pengaruh yang besar dalam menentukan akhlak pelajar (Sudiyono 2009).

Matlamat metod keteladanan supaya peserta didik memiliki seseorang yang diikutinya, dicontohnya, apabila guru berdisiplin, rapi, bersih, tepat waktu, sentiasa memberikan tutur kata yang baik, menjaga sholat maka tentu pelajar mudah mengikutinya, hal ini disokong oleh (Eni Jufriyah. T.th). dengan adanya seseorang yang dicontohi dan ada rasa suka terhadap yang dicontohi, maka secara tidak langsung akan dicontohi juga oleh sang murid.

Pentingnya keteladanan menurut Abdullah Fattah (2009). Pertama, dengan keteladanan sangat cepat dicontohi oleh pelajar, maka akan tertanam dalam hati pelajar, kedua, sangat efektif dan efisien dalam mendidik pelajar. Hal ini berlaku demikian, kerana apa yang dilakukan, dikatakan dan dibuat oleh guru akan dicontoh oleh pelajar, kerana guru sebagai contoh utama.

Keteladanan sangat memiliki hubungan yang besar untuk menentukan akhlak seseorang, keteladanan juga salah satu metod terbaik dalam mendidik akhlak pelajar. Keteladanan yang diberikan guru langsung dilihat oleh pelajar, kerana guru adalah sosok panutan pelajar, seandainya guru itu memiliki sifat-sifat terpuji, jujur, orang terpercaya, amanah, pemaaf, pemberani maka pelajar akan mengikuti apa yang dilakukan oleh pelajar, namun apabila guru itu suka berdusta, pengkhianat, kedekut, pemalas, kotor maka pelajar akan mengikutinya juga (Ali Syarkawi & Rif’at Husni. 2007).

Walaupun semua pihak perlu memainkan peranan secara menyeluruh untuk menangani masalah disiplin dan moral pelajar-pelajar tetapi peranan pihak sekolah dan guru lebih berkesan kerana pelajar-pelajar menerima pendidikan secara formal dan sistematik (Abd Rahim Abd Rashid, 2001). Ini turut disokong kenyataan bahawa salah satu punca penyelewengan moral

ini ialah faktor keibubapaan yang lemah, dan tradisi keluarga sebagai 'guru' moral yang pertama bagi kanak-kanak semakin hilang. Kanak-kanak tidak dapat lagi mempelajari nilai mumi di rumah. Persekitaran di luar rumah juga adalah tidak mesra terhadap perkembangan nilai murid sekolah (Abdul Rahman Md. Aroff, Asmawati Suhid & Nur Surrayyah Madhubala Abdullah, 2008). Oleh itu, pendidikan nilai di sekolah sebagai penggerak utama dalam pembinaan watak bertambah penting.

Namun faktor keteladana ibu bapa juga penting, kajian Mahzan Arshad (2005) menyatakan kesibukan ibu bapa yang senantiasa bekerja dan mengambil ringan terhadap tugas penjagaan kepada anak akan membuat anak rosak akhlaknya. Guru hanya dapat menjaga ketika anak berada disekolah disiang hari, sedangkan ketika di rumah atau malam hari ibu bapalah yang menjaganya. Hal ini disokong oleh (Mohammad Khairi Haji Othman, et al. 2017) kerana faktor keluarga yang memiliki gaya asuh yang berbeza akan berimpak kepada anaknya, kerana ibu bapa bermasalah.

Gaya asuh dan kasih sayang ibu bapa yang diberikan kepada anak atau pelajar merupakan proses awal pembelajaran yang pertama kali dirasakan oleh anak, rasa kasih sayang atau sentuhan ibu bapa menyebabkan anak memiliki rasaa kasih sayang dan disayangi, kerana dengan kasih sayang dapat memebentuk pribadi anak menjadi lebih baik, stabil, merasa selamat dan lain sebagainya (Chin Pek Lian et al, 2005). Maka daripada itu pola asuh ibu bapa sangat mempengaruhi asuh ibu bapa, oleh kerana itu urusan anak bukan hanya diuruskan oleh guru sahaja, kerana guru hanya dapat mengasuh disekolah sahaja, sedangkan dirumah menjadi tanggung jawab ibu bapa.

Keteladanan yang diberikan oleh ibu bapa, akan menjadi pembenaran bagi anak, apa yang dilakukan oleh ibu bapa, menurut pelajar atau anak sebuah kebenaran. Abi Sufyan pernah berkata “untuk memperbaiki seorang anak seyogyanya ibu bapa memperbaiki diri dahulu, sebab mata anak akan selalu melihat ibu bapa, tatkala ibu bapa menggagap sesuatu itu baik, maka anak akan menganggap baik, namun tatkala ibu bapa menganggap itu buruk, maka anak akan menggap buruk” (Ali Ahmad Madkur. 1990). Inilah peran ibu bapa,tatkala apa yang dikerjakan oleh ibu bapa sebuah kejelakan maka baik bagi anak padahal itu kejelakan, begitu juga tatkala ibu bapa mengerjakan kebaikan maka baik bagi anak.

Teladan daripada rakan-rakan sebaya juga penting. Menurut kajian Hashim Bedu et al. (2008), punca kerosakan akhlak adalah disebabkan rakan sebaya, dan perkembangan media saat ini, yang susah untuk dibendung. Maka sosok teladan bukan hanya sahaja pada guru dan ibu bapa, namun harus juga ada pada rakan sebaya, kerana rakan sebaya sangat mempengaruhi kawanya.

Punca yang lain menurut Maznah dan Zakiah Zakaria (2010) juga kerana, ibu bapa kurang memberikan didikan agama kepada anak, kerana ibu bapa tidak memiliki pengetahuan tentang agama. Maka hal ini menyebabkan ibu bapa sukar dalam membentuk anak menjadi memiliki akhlak yang baik sesuai agama, kerana hal ini keilmuan ibu bapa tentang agama tidak ada.

Maka metod keteladanan dalam dunia pendidikan Islam sangat baik untuk diterapkan, sebab ini sudah diawali daripada Rasulullah SAW, sehingga beliau akhlak beliau disebutkan dalam al-Qur'an “Sesungguhnya pada diri Rasulullah SAW itu telah ada teladan (uswah) yang baik bagimu (yaitu) bagi orang-orang yang mengharap (rahmat) Allah SWT dan (kedatangan) hari kiamat dan yang mengingat Allah SWT sebanyak- banyaknya” (Qs. Al-Ahzab: 21). Rasulullah sudah memberikan contoh yang baik bagaimana cara berinteraksi, beribadah, sikap, tutur kata dan lain sebgainya, sifat-sifat inilah yang mesti kita teladani, dan harus ada pada seorang pendidik, untuk memberikan teladan kepada pelajar.

Oleh kerana itu penyelidikan ini, ingin mengambil berat bagaimana pentingnya sebuah keteladanan, yang saat ini pudar di masyarakat, hampir tidak ada pada setiap guru, hanya sebahagian sahaja. Kalau sudah setiap guru diteladani oleh pelajar, tentu kerosakan akhlak ini

boleh kita berkurang. Selain daripada itu, penyelidikan ini ingin melihat metod keteladan dalam membentuk akhlak pelajar, kerana hal ini merupakan pembelajaran yang baik pelajar yatu metod keteladanan.

### **3.0 TUJUAN KAJIAN**

Kajian sensitiviti terhadap pembelajaran silang budaya ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap sensitiviti terhadap pembelajaran silang budaya dalam kalangan bakal guru pelbagai etnik di IPG. Sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru dikenal pasti berdasarkan etnik, jantina, yang pelbagai etnik dan budaya serta kursus atau latihan kepelbagaian budaya yang pernah dihadiri oleh guru.

### **4.0 METODOLOGI**

Kajian ini, pengkaji menjalankan jenis penelitian Kajian kualitatif bermaksud menggunakan kaedah semulajadi atau natural untuk mencari informasi daripada informan tentang keadaan suatu fenomena sebenar tanpa memanipulasi data, maka daripada itu kajian ingin melihat penerapan metod keteladanan dalam pendidikan di Sekolah Menengah Pertama (SMP) Qurrota A'yun Ponorogo Patton (2002), Kemmis dan McTaggart (2000).

Pendekatan yang dilakukan oleh peneliti adalah pemilihan sample purposive. Yang bermakna bahawa sample purposive menurut Winarno (2013) ialah pemilihan informan yang bertujuan sesuai dengan pertimbangan peneliti, yang memiliki syarat dan layak menjadi informan, contoh memiliki kredibiliti, ahli dalam bidangnya, memiliki sifat dan ciri-ciri yang hendak dicari peneliti, seperti guru besar, guru pendidikan Islam, serta dua orang daripada murid, agar informasi yang diberikan oleh guru agar sesuai dengan apa yang dirasakan oleh murid. Namun informan di sini harus mampu mewakili segenap informasi dari semua populasi dan lain sebagainya. Adapun dengan pemilihan jumlah daripada informan kajian ini, tidak terlalu banyak dan juga tidak boleh terlalu sedikit. Jumlah dalam informan dalam penelitian kualitatif tidak "berpatutan" yang menggunakan metode temu bual.

Akan tetapi Patton (1994) mencadangkan bahawa informan kajian kualitatif berjumlah 10 orang. Jumlah itu juga boleh ditambah sebanyak 5 orang sekiranya terdapat penambahan data baru untuk menganalisa data. Namun menurut Raco (2010) jumlah informan dalam kajian kualitatif tidak jelas berapa banyaknya, tidak seperti kajian kuantitatif semakin banyak informan maka akan semakin baik, dalam penelitian kualitatif tidak demikian, kerana yang terpenting ialah kredibilitas informan dan kekayaan tentang informasi yang mereka berikan, kerana jumlah sampel yang banyak akan menciptakan masalah sendiri dalam penelitian, kerana akan menimbulkan informasi yang sama sahaja, pengulangan hingga membuang waktu peneliti.

Adapun untuk pengumpulan data, pengkaji menggunakan temu bual, dengan cara melakukan pembualan bersama guru besar, guru pendidikan agama Islam dan pelajar yang telah dipilih oleh pengkaji, untuk menanyakan penerapan keteladanan di dalam sejomlah ini. Tujuan soalan yang ingin ditanya oleh pengkaji, untuk mendapatkan jawapan daripada objektif kajian Margono (1997). Pengumpulan data selanjutnya dengan melakukan pemerhatian dengan cara memperhatikan secara langsung kejadian apa yang sedang berlaku didalam sekolah tanpa melakukan pembualan, hanya memperhatikan sahaja semua aktiviti, kegiatan pembelajaran, interaksi guru dengan murid, sikap guru sehari-hari tatkala di sekolah, kemudian pengkaji melakukan pencatatan daripada hasil pengamatan di sekolah (Margono 1997).

Analisis data, pengkaji menggunakan Miles dan Hubberman yang dikutip Sugiono (2010), yaitu pertama, Reduksi data (data reduction) bermaksud data yang diperoleh oleh pengkaji disekolah atau lapangan sangatlah banyak dan kompleks seperti hasil daripada temu

bual dengan guru besar, guru pendidikan Islam, pelajar dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, makanya pengkaji mengemukakan terlebih dahulu. Kedua, Penyajian data (data display), setelah pengkaji mengumpulkan data, lalu pengkaji mengelompokkan data, tema-tema, pola-pola, membina kode, untuk mempermudah penyajian data, kemudian memberikan sebuah informasi yang baik dan mampu memberikan sebuah kesimpulan dan pengambilan tindakan yang diambil oleh peneliti. Ketiga, Verifikasi data (verification and conclusion) adalah setelah pengkaji mengumpulkan data, dan membuat pengelompokkan data kemudian pengkaji berusaha melakukan proses penemuan makna daripada hasil kumpulan data daripada temu bual dan pemerhatian, yang terdapat daripada data-data yang telah dikumpulkan dengan meninjau ulang data-data, untuk menjawab objektif kajian pengkaji dalam hal penerapan metod keteladanan dalam pendidikan.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

### I. Penerapan Keteladanan dalam Pendidikan

Penerapan metod keteladanan dalam sekolah sangatlah penting, kerana hal yang pertama kali dilihat daripada murid, ialah guru. Apa-apa yang guru lakukan dan apa-apa yang guru katakan akan menjadi contoh kepada murid, dan itu menjadi kebenaran bagi murid. Maka metod keteladanan merupakan metod yang sangat sukses dalam menerapkan pendidikan, kerana murid terus melihat dan mengevaluasi apa yang sudah diajarkan oleh guru. Maka penting bagi guru untuk sentiasa meningkatkan dan memberikan contoh yang baik. Jika perkataan lain dan perbuatan lain, maka akan membingungkan murid, oleh kerana itu guru harus sesuai dengan lakukan dan perkataan. Sebab ada pepatah Melayu mengatakan “Guru kencing berdiri, murid kencing berlari”. Gurulah contoh utama bagi murid di sekolah.

Berdasarkan hasil daripada temu bual dengan guru besar, guru pendidikan agama Islam dan pelajar di sekolah sekolah. Mereka menerapkan keteladanan baik dari dalam kelas dan diluar kelas. Dalam kelas bermaksud guru sentiasa memberikan maklumat tentang pentingnya akhlak, dan ketika itu juga guru meberikan contoh, dengan datang tepat waktu, berpakaian rapi saat di kelas, menjaga tutur kata. Di luar kelas juga demikian, guru menjaga sikap, hadir ketika solat jamaah zuhur, dan duduk saat minum.

“Guru harus membiasakan mengucapkan salam kerana itu penting ketika memulakan kelas, sebagai guru juga selalu mengingat murid disekolah ini bukan mencari nilai tetapi mencari ilmu, sebagai guru juga hendaknya perkataan dan perbuatan sesuai, jangan bertentangan ,guru itu harus memeberi contoh juga, menjaga kerapian berpakaian saat di sekolah dan rambut guru juga harus diperhatikan. Disiplin disini juga harus ditegakkan tidak pandang bulu juga” begitulah kata Ustaz Arief Rosyadi. (TM/R/01)

Bagi Ustaz Arief Rosyadi guru harus membiasakan memberikan contoh yang baik kepada murid dan menjadikan diri guru menjadi role model, sebab dengan keteladanan akan membuat pelajar suka dengan guru. Namun dalam penerapan keteladanan dalam sekolah ini, Ustaz Arief Rosyadi menambahkan, bukan hanya dengan dikelas sahaja, ketika diluar kelas juga demikian. Selanjutnya dalam penerapan keteladanan juga, guru hendaknya memberikan maklumat, atau menasihati, agar memberikan pedoman bagi murid, makna pentingnya akhlak itu dalam Islam, kerana dengan memiliki akhlak yang baik dapat meningkatkan rohani dan jasmnai murid tersebut, dan seimbang dalam hal mengekspresikan emosi, perkataan dan perbuatan. Ustaz Rosyadi mengatakan:

“Menasehati dan memberikan contoh, kerana kedua dua ini harus berjalan bersamaan kalau tidak akan hambar. Karena menasehati tanpa contoh sia-sia, kerana anak sangat penting melihat gurunya juga, perbuatan gurunya tingkah laku gurunya dan lain sebagainya” . (TM/R/01)

Waktu itu masih pagi, pengkaji melihat tatkala, guru dan murid bersama-sama memasangkan benar, yang pengkaji lihat, guru juga turut serta memasangkan benner mengajarkan kepada murid, dan ikut serta dalam melaksanakan tugas, bukan hanya menyuruh sahaja. Begitulah menurut Ustaz Arief Rosyadi sebagai guru pendidikan agama Islam di sekolah ini, sentiasa melihat akhlak murid terlebih dahulu, kerana beliau tahu, bahawa murid juga menginginkan ada seseorang yang menjadi contoh teladan, kerana hal ini penting bagi murid, menjadi role model mereka dalam mengerjakan sesuatu (P/R/02).

## II. Faktor Pendukung Penerapan Keteladanan dalam Pendidikan

Selain itu juga, pengkaji ingin melihat faktor pendukung daripada penerapan metod keteladanan. Berdasarkan daripada hasil temu bual Ustaz Arif Yeni selaku guru besar disekolah berpendapat, dalam menerapkan keteladanan, pihak sekolah juga membuat mentoring untuk mendorong penerapan akhlak, kerana dengan kegiatan menjadikan proses pembentukan akhlak yang baik bagi murid, maka perlu bimbingan. Kerana dengan mengadakan mentoring akan menyumbangkan kepada murid bagaimana menjaga, dan melakukan konseling kepada murid, agar apa-apa yang berlaku kepada murid dapat diketahui secara langsung. sebagai berikut kata beliau.

“Pelaksanaan Pendidikan Akhlak disini ya, setiap pagi guru memberikan Tausyiah, kemudian hari rabu dan kamis diganti dengan siswa siswa agar terbiasa saling menasehati diantara mereka, ditambah lagi setiap pagi dengan hafalan dan tahsin Al-Qur’an, sholat dhuha, sholat dzuhur berjamaah, dan sholat ashar berjamaah di imami oleh guru itu sendiri.”(TM/R/02)

Menurut pengkaji dengan adanya kegiatan solat duha, dan sholat wajib lainnya, akan meningkatkan akhlak murid, agar terbiasa dengan melakukan hal-hal baik. Sebab dengan solat akan mencegah seseorang membuat perbuatan keji dan munkar. Maka dengan adanya kegiatan solat akan mengurangi hal-hal negative daripada perbuatan yang tercela .

Selanjutnya, guru besar menambahkan , bahawa kewujudan wali murid sangat penting, dan harus sentiasa memberikan keteladanan bagi anak-anak mereka, sebab orang tua lebih sering dan lebih mengetahui sifat, tabiat dan tingkah laku anak mereka lebih dalam, maka perlu mengambil berat bagi wali murid agar menjaga adab dan sopan dan akhlak, seperti yang dikatakan oleh guru besar.

“sebelum anak-anak masuk ke sekolah ini, saya selaku kepala sekolah memanggil semua wali murid, menanyakan kepada mereka agar guru dan wali murid bersama-sama memperbaiki akhlak anak, bukan hanya dititik beratkan pada guru saja, akan tetapi ada pada wali murid juga. Factor selanjutnya adanya kegiatan pembinaan bagi wali murid disekolah ini Selanjutnya adanya seminar tentang pendidikan anak bagi wali murid “ . (TM/R/02)

## III. Faktor Penghalang Penerapan Keteladanan dalam Pendidikan

Selanjutnya sub tentang faktor penghalang dalam menerapkan pendidikan keteladanan, sebab segala sesuatu pesti memiliki cabaran dalam menerapkan sesuatu. Cabaran dan penghalang ini harus diselesaikan dan dicari solusinya agar apa-apa yang berlaku yang buruk tidak terjadi, seperti yang dikatan oleh ustaz Arif Yani, jika orang tua tidak memberikan contoh teladan, maka akan susah, sebab. Orang tua yang sentiasa mengawasi anak-anak mereka setiap harinya. Apabila orang tua tidak memberikan keteladanan yang baik, maka akan mengakibatkan anak-anak akan terjauh daripada perbuatan yang baik.

“Ada juga faktor orang tua, ada sebahagian daripada wali murid, yang belum solat, tidak mendidik anak-anak, jadi susah juga bagi kami untuk mendidik mereka, walaupun di sekolah baik, tapi di rumah kita tidak tahu juga” . (TM/R/02)



Maka peranan ibu bapa selain daripada guru juga memiliki pengaruh yang luar biasa. Sebab murid hanya tinggal di sekolah hanya beberapa jam sahaja, sedangkan masa di rumah sangat banyak, murid merasa dikawal tatkala di sekolah, sedangkan di rumah merasa bebas tanpa ada yang mengkawal. Oleh itu pentingnya kawalan ibu bapa terhadap anak sangat penting, dan tentu ibu bapa memberikan keteladanan bagi anak mereka, seperti sholat, tepat waktu, berbicara sopan, duduk ketika minum dan makan, menutup aurat, maka anak akan terbiasa dengan demikian.

## 6.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan daripada kajian yang didapati diatas, menunjukkan bahawa penerapan keteladanan dalam pendidikan di sekolah sangatlah berjalan dengan baik. Walaupun ada faktor pendukung dan penghambatnya. Kerana pelajar masih sahaja melakukan kesilapan dalam sekolah seperti datang terlambat, tidak buat tugas, dan berkata kotor. Namun guru-guru sekolah berusaha untuk sentiasa menanamkan akhlak-akhlak yang baik melalui keteladanan yang diberikan guru kepada pelajar, seperti datang tepat waktu, berpakaian rapi, mengikuti solat berjamaah, ikut serta dalam kegiatan sebab guru sebagai contoh awal yang akan dilihat oleh pelajar, sesuai dengan apa yang dikatakan oleh Ali Syarkawi & Rifat Husni (2007) bahawa gurulah sebagai contoh awal yang akan dilihat dalam perkembangan murid. Kerana keteladanan gurulah yang menentukan baik buruknya akhlak murid. Kalau guru jujur, amanah, pemberani, bersih maka murid akan bersifat seperti guru itu juga, begitu juga sebaliknya apabila guru itu pendusta, pengkhianat, kedekut maka murid akan memiliki sifat seperti itu juga.

Akan tetapi yang merosakkan akhlak pelajar, tiada keteladanan daripada rakan sebaya, sebab rakan sebaya masih ada yang berbicara kotor, tidak berdisiplin, maka secara tidak langsung mempengaruhi akhlak pelajar yang lainnya, hal ini sesuai dengan apa yang dikatakan oleh (Hasim Bedu et al. (2008) memberitahukan bahawa faktor rakan sebaya sangat mempengaruhi sekai, sebab anak lebih sering dan merasa nyaman dengan rakan sebaya daripada ibu dan bapa, tentu akhlak rakan sebaya akan menular ke anak. Kalau seandainya baik maka pengaruhnya akan baik, kalau tidak maka pengaruhnya jelek.

Keteladanan yang diberikan oleh ibu bapa, akan menjadi pembenaran bagi anak, apa yang dilakukan oleh ibu bapa, menurut pelajar atau anak sebuah kebenaran. Abi Sufyan pernah berkata “untuk memperbaiki seorang anak seyogyanya ibu bapa memperbaiki diri dahulu, sebab mata anak akan selalu melihat ibu bapa, tatkala ibu bapa menggagap sesuatu itu baik, maka anak akan menganggap baik, namun tatkala ibu bapa menganggap itu buruk, maka anak akan menganggap buruk” (Ali Ahmad Madkur. 1990). Inilah peran ibu bapa, tatkala apa yang dikerjakan oleh ibu bapa sebuah kejelekan maka baik bagi anak padahal itu kejelekan, begitu juga tatkala ibu bapa mengerjakan kebaikan maka baik bagi anak.

Selain daripada itu, kegiatan sangat yang pelbagai macam bentuk juga perlu, agar murid-murid lupa akan hal-hal negative, disekolah ini banyak bentuk kegiatan seperti pramuka, memanah, belajar ceramah, bela diri, berenang, hafal qur'an, solat duha, maka dengan berbagai-bagai macam kegiatan akan membentuk pribadi murid menjadi tumbuh dewasa dalam pikiran dan perasaan, hal ini sesuai dengan Khalid bin Humad (2000) yang menyatakan dengan kegiatan akan membantu proses pendewasaan, pemahaman dan perbaikan akhlak bagi murid, sebab dengan kegiatan membuat murid sentiasa menggunakan emosi dan pikiran mereka sehingga digunakan menjadi lebih baik.

Orang tua sangatlah menentukan pendidikan bagi anak-anak mereka, orang tua memiliki tugas yang besar bukan hanya menghantarkan ke sekolah sahaja kemudian tanggung jawab mereka selesai, akan tetapi lebih daripada itu juga, orang tua memiliki tugas yang sangat besar, sentiasa mendidik emosi, pikiran, tingkah laku, perkataan anak mereka

menjadi lebih baik dan disukai. Sebab itulah tugas orang tua besar, kalau orang tua sahaja tidak solat, tidak menutup aurat, suka berkata kasar lantas bagaimanakah nasib anak-anak mereka. Maka sesuai dengan Ali Ahmad Madkur. 1990 yang mengatakan bahawa institusi keluarga sangatlah berperan besar dalam mendidik anak-anak yang sesuai dengan ajaran agama.

Pentingnya ibu bapa kerana tatkala ibu bapa mendidik anak, anak akan selalu mengikuti apa-apa yang diperintahkan oleh ibu bapa walaupun itu buruk, begitu juga sebaliknya anak juga mengikuti perintah ibu bapa walaupun itu baik hal ini sesuai dengan Chin Pek Lian et al (2005) akhlak pelajar dipengaruhi oleh pola asuh ibu bapa. Oleh sebab itu harapan selalu, masalah mendidik anak, bukan hanya kewajipan guru semata-mata, akan tetapi kewajipan ibu bapa juga, dan sepatutnya wajipan ini lebih besar kepada ibu bapa, sebab anak dia, permata hati dia, dan menjadi investasi orang tua untuk hari akhiratnya, sebab doa daripada anak yang soleh.

## 7.0 KESIMPULAN

Pendidikan bertujuan menciptakan manusia yang baik, bukan hanya baik daripada pengetahuan akan tetapi baik juga akhlaknya. Dengan pendidikan dapat membina dan membentuk murid daripada perilaku, emosi, perasaan, pikiran, serta keimanan mereka, agar tujuan daripada pendidikan tersebut tercapat untuk menciptakan manusia yang berakhlak mulia.

Maka daripada itu, perlu sangat keteladanan yang baik daripada guru, agar murid mudah melihat dan mengevaluasi apa-apa yang sesuai dengan tingkah laku mereka dengan ajaran-ajaran agama, kerana guru juga memberikan contoh yang demikian. Dengan keteladanan yang baik akan membentuk murid yang baik juga, begitu juga sebaliknya apabila guru memberikan keteladanan yang buruk, maka murid juga menjadi buruk.

Banyak harapan daripada pelbagai pihak terhadap pendidikan, agar guru-guru dapat mencetak pelajar-pelajar yang cemerlang, bukan hanya cemerlang di akademik semata-mata, akan tetapi akhlak mereka juga cemerlang. Dengan tujuan agar negara ini makmur dan sejahtera dengan memiliki akhlak yang mulia dan pada akhirnya membuat kejayaan tamadun Islam itu sendiri di negara sendiri.

## 8.0 RUJUKAN

- Abu al-Husayn Ahmad ibn Faris ibn Zakariya. 1994. *Al-Maqayis fi al-Lughah*, tahqiq oleh Syihab al-Din Abu Amr. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abd Rahim Abd Rashid. 2001. *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Ralunan Md.Aroff, Asmawati Suhid & Nur Surayyah Madhubala Abdullah. 2008. *Pendidikan Nilai dan Pembinaan Watak. Pendidikan di sekolah: isu dan cabaran*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Fattah, Abu Ghuddah. 2009. *40 Metode Pendidikan dan Pengajaran Rasulullah*. Edisi Terjemahan. Penerbit Irsyad Baitussalam. Bandung.
- Ali Ahad Madkur. 1990. *At-Tarbiyah al-Islamiyah Baina Asholat wal Mua'shirat*. Tunisia. Darul Maarif.
- Al-Raghib Al-asfahani. 1992. *Mufradat Alfadh Al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Qalam (1992).
- An-Nahlawi, A. (1996). *Pendidikan Islam di Rumah, Sekolah, dan Masyarakat*. Jakarta: Gema Insan Pers.
- Andya, Yanti, dkk. 2016. "Yang Remaja Yang Kejam" *Majalah Gatra*, 96.

- Athiyah Al-Abrasyi. 1969. at-Tarbiyah al-Islamiyah wa Falasifatuha. Cairo: Darul Fikri, 24.
- Chin Pek Lian, Low Lii Chueen, Vivian Low Yen Yeong. Isu-Isu Masalah Disiplin Pelajar: Pendekatan dan Penyelesaian. Seminar Pendidikan 2005. Fakulti Pendidikan. UTM.
- E. Mulyasa. 2012. Standar Kompetensi dan Sertifikasi Guru. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Eni Jufriyah. T.th. Metode Keteladanan dan Etika Mulia dalam Pembelajaran. STIE Surakarta.
- Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid & Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor. (2008). Keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam keluarga: Isu dan cabaran. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- J.R. Raco. 2010. Metode Penelitian Kualitatif. Jakarta: Grasindo.
- Kemmis, S. dan McTaggart, R. 2000. 'Participatory Action Research', dalam Handbook of Qualitative Research, ed. Denzin, N.K., dan Lincoln, Y. S., Ed ke-2 (Thousand Oaks, CA: Sage).
- Khalid Bin Humad. 2000. Ushulu at-Tarbiyah. Saudi: Darul Alimul Kitab.
- Margono, 1997. Metodologi Penelitian Pendidikan. Jakarta: Rineka Cipta,
- Maznah Ali & Zakiah Zakaria. (2010). Persediaan Ibu Bapa dalam Pendidikan Rohani Terhadap Anak-Anak: Kajian di Taman Batu Permai, Kuala Lumpur. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Marzita Abdullah. 2003. Bebas samseng – kelulusan, pengalaman pengetua bukan penentu. Portal Pendidikan Utusan, 9 September. <http://www.tutor.com.my> [21 Mac 2015].
- Mohammad Khairi Haji Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Alis Puteh, Nurfasihan Roslan. 2017. Permasalahan dan Cabaran Guru dalam Membentuk Nilai Pelajar di Sekolah Menengah. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah.
- Muhammad Khairi Haji Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Alis Puteh dan Nurfasihan Roslan. 2017. Permasalahan dan Cabaran Guru dalam Membentuk Nilai Pelajar di Sekolah Menengah. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah
- M. Sulaiman. 2016. Mendidik dengan Tauladan. Jurnal Studi Islam, Volume 11, No, 1.
- Nurin Bin Abdul Majid. 2012. Pembinaan Kesedaran Disiplin Pelajar Melalui Pembelajaran Pafa. Tesis, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Unversiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Patton, M. Q. (2002). Qualitative Evaluation and Research Methods. Ed ke-3. Thousand Oaks, CA: Sage Publication Inc.
- Patton, M. Q., 1994. Qualitative Evaluation and Research Methods. Ed ke-2 Newbury Park, CA; Sage Publication.
- Rif'at Farid Salim. 2002. al-Islam wa Huququh al-Tifl. Cairo: Darul Muhsin.
- Sudiyono. 2009. Ilmu Pendidikan Islam. Jakarta: Rineka Cipta.
- Sugiyono. 2010. Metode Penelitian Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D. Bandung: Alfabeta.
- Tim Penyusun. 1989. Kamus Besar Bahasa Indonesia. Jakarta: Balai Pustaka.
- Winarno. 2013. Metodologi Penelitian Dalam Pendidikan Jasmani. Malang: UM Press.

<http://rasiopeople.com/2017/09/20/7-kenakalan-remaja-yang-harus-diwaspadai/>

[www.islamislami.com-Inspirasi-Islam](http://www.islamislami.com-Inspirasi-Islam)

<https://metro.tempo.co/read/573357/wawancara-khusus-jis-soal-guru-dan-buron-pedofil/full&view=ok>